

PM tidak terima surat Adun Indera Kayangan

BH, 4 AUG 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan surat peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) sepatutnya diserahkan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN).

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak ada menerima surat peletakan jawatan Pengerusi MCA Perlis, Datuk Khor Liang Tee, sebagai Adun Indera Kayangan.

"Kalau dia letak jawatan (dan) diterima oleh Speaker, maka itu menjadi sah. (Jika itu berlaku)... maka kita akan berusaha untuk mengadakan pilihan raya," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2000 Perbadanan Malaysia di Khazanah Malaysia di sini, hari ini.

Laporan akhbar yang memetik sumber hari ini menyebut

Khor, 59, yang juga ahli Exco negeri meletak jawatan kerana sebab-sebab kesihatan.

Sementara itu, Khor yang ditemui sebelum mesyuarat Exco Perlis di sini yang dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata beliau tidak beradang melepaskan sebarang jawatan.

"Saya masih mampu menjalankan tugas walaupun terpaksa mendapatkan rawatan di hospital dari semasa ke semasa," katanya sambil menegaskan beliau baru mendapatkan rawatan mengenai pemakanan di sebuah hospital swasta di ibu negara.

Khor menjelaskan isu peletakan iawatan itu bermula apabila perwakilan Mesyuarat Agung MCA Perlis baru-baru ini bertanya apakah beliau akan melepaskan jawatan akhir tahun ini.